

**Dakwaan salah guna zakat berbau politik – Jawi  
Utusan Online  
December 30, 2011**

PUTRAJAYA 29 Dis. - Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Che Mat Che Ali menyifatkan dakwaan penggunaan wang zakat dalam kes tuntutan qazaf Ali Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai berbau politik.

Beliau yang juga Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkata, pihaknya tidak pernah berniat untuk menyeleweng wang zakat kerana ia bukan hala tuju dan dasar jabatan yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan wang itu.

"Saya rasa perkara ini sepatutnya tidak boleh berlaku dan tidak patut berlaku kerana umat Islam di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan seharusnya menumpukan kepada tugas asasi iaitu menyatu padu dan memperkasakan umat Islam.

"Kita sebagai satu masyarakat akan dipandang mulia oleh orang lain kerana mengamalkan perkara berlandaskan Islam yang sebenarnya," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Dakwaan penyelewengan wang zakat membabitkan tiga responden seperti dilaporkan oleh akhbar pembangkang iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom; Che Mat dan Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan, Shamsuddin Hussain.

Bagaimanapun hari ini, MAIWP menjelaskan bahawa mereka menggunakan peruntukan khas geran kerajaan bagi menjelaskan kos guaman Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dua yang lain dalam kes membabitkan pertikaian di mahkamah.

Sehubungan itu, Che Mat menyeru umat Islam agar tidak terpengaruh dengan dakwaan tersebut.

kerana ia boleh mengalih tumpuan dan perhatian untuk menyatu padu dan memperkasakan umat Islam pada masa depan.

"Kita harus buktikan bahawa tugas dalam perkhidmatan agama boleh mencapai sasaran yang ditetapkan dan tidak akan mengecewakan dalam menguruskan segala perbelanjaan dan pengurusan wang pungutan zakat di Wilayah Persekutuan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1230&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_08.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1230&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_08.htm)